

TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA MPSP
SEMPENA
SAMBUTAN HARI MAJLIS KE-41
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
8 OGOS 2015 (SABTU), JAM 8.50 PAGI
IBU PEJABAT MPSP, BANDAR PERDA

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng
Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Prof. Dr Ramasamy A/L Palanisamy
Timbalan Ketua Menteri 2

Y.B. Dato' Seri Hj Farizan bin Darus
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Sr Haji Rozali bin Hj Mohamud
Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian

Assalamualaikum wbth, salam sejahtera dan selamat pagi.

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berhimpun pada hari ini untuk meraikan sambutan Hari Majlis ke-41. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada tetamu kehormat kita pada hari ini, terutama YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang dan YB Tuan Chow Kon Yeow yang turut sudi hadir walaupun padat dengan program pada hari ini. Ucapan terima kasih juga kepada para barisan Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang, ADUN, Ahli Parlimen dan semua Ahli Majlis MPSP, Tuan Setiausaha Perbandaran, Ketua Jabatan serta kakitangan MPSP yang memberi sokongan dan kerjasama ke atas segala usaha yang diberikan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan MPSP.

YAB, YB, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

Dimaklumkan pada hari ini, MPSP akan melancarkan:

1. Video Korporat MPSP

Pada hari ini, MPSP akan melancarkan Video Korporat MPSP. Video Korporat MPSP disediakan untuk memberi maklumat tentang MPSP dan Seberang Perai dan juga merupakan satu alat untuk mempromosikan MPSP dan Seberang Perai ke peringkat antarabangsa.

2. Pelancaran Sistem Kawalan & Penggredan Pemandu (SIKAP)

Untuk makluman semua, Sistem Kawalan & Penggredan Pemandu (SIKAP) juga akan dilancarkan pada hari ini. MPSP mempunyai 360 kenderaan rasmi dan 237 pemandu. Sistem SIKAP berkomputer ini bertujuan untuk mengawal dan memantau disiplin pemandu, mengurangkan kerosakan kenderaan dan menggredkan pemandu mengikut kelayakan dan disiplin pemandu. Sistem ini juga memberi peluang kepada orang awam membuat aduan mengenai pemandu-pemandu MPSP yang membuat kesalahan jalanraya melalui telefon dan email. Tindakan demerit akan diambil oleh MPSP kepada pemandu yang bersalah dan insentif akan diberikan kepada pemandu yang berhemah.

3. Risalah Perkhidmatan MPSP

Sempena sambutan Hari Majlis Ke-41, MPSP akan melancarkan Risalah Perkhidmatan MPSP. Risalah ini adalah atas inisiatif Ahli Majlis Encik Wong Chee Keet yang telah menggunakan peruntukannya. Risalah ini menerangkan tentang semua perkhidmatan yang disediakan oleh MPSP

4. Galeri MPSP

MPSP kini telah pun mempunyai galeri dan akan dirasmikan oleh YAB Tuan Lim Guan Eng sebentar lagi. Galeri ini akan dibuka kepada orang awam mulai hari ini yang mengandungi maklumat MPSP serta pencapaian-pencapaian MPSP. Galeri ini akan sentiasa dikemaskini mengikut tema-tema yang dipilih.

Pada hari ini juga MPSP akan mengadakan penyampaian hadiah Pertandingan Zon 5S Terbaik dan Pencarian Bakat Pengacara Majlis. Untuk makluman semua, Majlis turut mengadakan pameran-pameran seperti pameran LA 21, pameran barang antik dan pameran / jualan pokok bunga.

YAB, YB, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

Tahun ini merupakan tahun ke-4 MPSP memberikan Anugerah Pekerja Contoh. Anugerah Pekerja Contoh yang diberikan kepada kakitangan berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan. Kriteria-kriterianya adalah:

- i. Status Perkhidmatan - Terdiri daripada semua kakitangan tetap dan kontrak sementara.
- ii. Tempoh Perkhidmatan - Sekurang-kurangnya setahun pada hari terakhir penilaian
- iii. Tiada kelewatan dalam tempoh 6 bulan
- iv. Cuti sakit tidak melebihi enam (6) hari
- v. Penghasilan Kerja - Prestasi kerja yang cemerlang dari segi kualiti, ketepatan masa dan keberkesanan kerja
- vi. Kualiti Peribadi - Berdisiplin, kepimpinan, integriti, kerja berpasukan, bertanggungjawab dengan tiada/sedikit penyeliaan sahaja.

Insentif dan hadiah Anugerah Pekerja Contoh adalah seperti berikut:

- i. Sijil Penghargaan Pekerja Contoh
- ii. Wang tunai sebanyak RM 100.00

Seramai 51 orang kakitangan telah dipilih untuk diberi penganugerahan Pekerja Contoh pada tahun ini, jumlah pekerja contoh tahun ini lebih ramai

jika dibanding dengan tahun lepas yang hanya 24 orang kakitangan dipilih sebagai pekerja contoh. Semoga kesemua penerima anugerah ini akan meneruskan kesungguhan mereka dalam tugas sehari-hari dan menjadi contoh kepada yang lain.

YAB, YB, Tuan-tuan & Puan-puan sekalian,

Bersempena dengan sambutan Hari Majlis pada tahun ini, Majlis juga mengadakan Jamuan Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga Seberang Perai. Jamuan Hari Raya Aidilfitri ini mampu mengeratkan perhubungan antara Majlis dan stakeholder serta mencetuskan semangat kekeluargaan sesama kakitangan MPSP. Suasana harmoni yang wujud ini akan memudahkan kakitangan MPSP berkerjasama dalam tugas sehari-hari mereka.

MPSP bukan hanya ada 4R iaitu *Rethink, Reduce, Reuse & Recycle*, kita juga ada 4P iaitu *Public, Private, People Partnership*, malahan 4M juga. Kita mengadakan 4M(Majlis) pada hari ini iaitu:

- Majlis Pelancaran Video Korporat MPSP
- Majlis Pelancaran Sistem SIKAP

- Majlis Pelancaran Risalah MPSP

- Majlis Pelancaran Galeri MPSP

Semuanya adalah untuk menjimatkan kos MPSP

Akhir kata, ingin saya menyeru kepada semua kakitangan MPSP untuk sentiasa bekerja bersungguh-sungguh, cekap, efektif dan efisen dalam merealisasikan Pelan Strategik MPSP dan membawa MPSP ke tahap antarabangsa. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YAB Tuan Lim Guan Eng, YB Chow Kon Yeow dan Kerajaan Negeri yang sentiasa memberi sokongan padu kepada MPSP dan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, Tuan Setiausaha dan semua kakitangan MPSP kerana telah bekerja sebagai satu pasukan yang hebat. Selamat Hari Raya Aidilfitri.

Sekian, Wabillah hitaufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh. Terima kasih.